

03 OCT 2001

Fong-Pekerja

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA LANCAR DUA SKIM BANTU PENGANGGUR

PUTRAJAYA, 3 Okt (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan dua skim bagi melatih pekerja yang ditamatkan perkhidmatan dan juga siswazah yang gagal mendapatkan pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Menteri berkenaan Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, kedua-dua skim itu akan dilancarkan secepat mungkin menggunakan peruntukan berjumlah RM267 juta yang baru diumumkan oleh kerajaan minggu lepas.

"Kami akan menghubungi majikan dan agensi-agensi berkenaan untuk mengenalpasti golongan itu untuk menawarkan bantuan kami secepat mungkin," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Untuk skim yang pertama latihan akan diberikan kepada golongan pekerja yang diberhentikan dan juga bagi mereka yang memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi gagal mendapat kerja sejak tiga tahun lepas.

"Untuk skim ini sebanyak RM117 juta diperuntukkan dan Kementerian menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan memberikan elaun bulanan sebanyak RM500 bagi mereka yang ikuti latihan sepenuh masa dan RM300 bagi yang mengikutinya secara sambilan," katanya.

Bagi skim kedua yang diperuntukkan RM150 juta, pemegang diploma dan ijazah yang gagal mendapat kerja akan diberi latihan dalam bidang teknologi maklumat dan bahasa serta elaun sebanyak RM500 sebulan, katanya.

"Latihan akan disediakan oleh sektor swasta dan kerajaan," katanya.

Apabila ditanya mengenai jenis-jenis latihan bagi pekerja yang dihentikan, Fong berkata: "Kita akan duduk bersama majikan dan mereka yang menyediakan latihan untuk memutuskan bentuk latihan tetapi ia banyak bergantung kepada permintaan."

Fong berkata lebih kurang 20,000 orang dijangka menyertai kedua-dua skim.

"Kementerian yakin skim-skim ini akan dapat membantu mengatasi masalah mereka dan kami berharap dalam tempoh setahun selepas ini mereka akan kaji pekerja pengetahuan (K-pekerja)," katanya.

Ketika ditanya mengenai kadar pengangguran sekarang, Fong berkata dari Januari hingga akhir Ogos lepas sejumlah 25,000 orang dilaporkan menganggur tetapi angka itu dijangka meningkat kepada 28,000 orang September ini.

Bagaimanapun katanya, Kementerian itu menerima laporan yang menyatakan jumlah kekosongan jawatan adalah jauh lebih tinggi daripada mereka yang menganggur iaitu kira-kira 90,000 kekosongan.

Kebanyakan kekosongan itu adalah dalam bidang elektronik, katanya.

Pada minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion sebagai usaha kerajaan menghadapi kesan negatif akibat kelembapan ekonomi global.

Antara lain pakej itu turut memperuntukkan RM150 juta bagi membantu golongan siswazah yang gagal mendapat kerja selepas menamatkan pengajian mereka.

-- BERNAMA

NM KHY PR